

PERTANDINGAN MEREKACIPTA LOGO BARU

Unit Komunikasi Korporat


Telah Dihantar: 09 Januari 2011 13:11

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

9 JANUARI 2011/4 SAFAR 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

UUM ONLINE: BERIKUT disertakan makluman berkaitan Pertandingan Merekacipta Logo Baru daripada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) untuk perhatian tuan/puan:



PERBADANAN MEMAJUKAN IKTISAD NEGERI TERENGGANU

PERTANDINGAN MEREKACIPTA LOGO BARU

Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) menganjurkan Pertandingan Merekacipta Logo Baru PMINT bersesuaian dengan aspirasi PMINT untuk gemilang setelah 45 tahun melalui pelbagai cabaran dan perubahan. Tujuan pertandingan adalah untuk memilih sebuah logo yang boleh digunakan oleh PMINT untuk menonjolkan imej baru PMINT menggantikan logo PMINT yang sedia ada.

SYARAT-SYARAT PERTANDINGAN

1. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia.
2. Penyertaan adalah percuma dan para peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Setiap penyertaan hendaklah dinyatakan nama, alamat surat-menyurat, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan e-mail yang boleh dihubungi. Pemenang hanya layak menerima satu hadiah sahaja.
3. Spesifikasi Teknikal Logo:
 - i. Rekacipta hendaklah asli, menarik, mudah dipersembahkan, disertakan dengan definisi bagi setiap simbol atau warna yang digunakan dan mestilah menggunakan tidak melebihi daripada empat (4) warna.
 - ii. Setiap logo mestilah melambangkan dan mempamerkan imej baru PMINT selari dengan aspirasi PMINT untuk gemilang dalam era baru sebagai agensi kerajaan negeri yang menjadi pemacu dan penjana ekonomi negeri melalui pembangunan hartanah, perindustrian dan pelaburan terpilih demi kesejahteraan rakyat.
 - iii. Saiz logo yang dicadangkan adalah tidak kurang dari 4 inci berlatarbelakangkan kertas putih dan perlulah dilekatkan di atas "mounting board" bersaiz "A4" dan hendaklah dipersembahkan menggunakan cetakan komputer.
 - iv. Setiap konsep dan rekabentuk logo akan menjadi hak milik PMINT. Pihak urusetia pertandingan berhak untuk meminda logo yang dipertandingkan demi penambahbaikan selaras dengan matlamat pertandingan atau tujuan lain dan para peserta tidak berhak membuat sebarang tuntutan royalti ke atas PMINT.
 - v. Pemenang pertandingan hendaklah menyediakan fail asal di dalam bentuk soft copy bagi tujuan percetakan dan sebagainya.
 - vi. Sila layari laman web PMINT untuk maklumat lebih lanjut berkaitan PMINT di www.pmint.gov.my
4. Semua penyertaan hendaklah dialamatkan kepada:

Urusetia Pertandingan Merekacipta Logo Baru PMINT
Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu
Tingkat 13, Menara Permint
Jalan Sultan Ismail
20200, Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
u/p: Puan Merdiha binti Mat Ali / Encik Mohd Azlam bin Yah
No. Tel: 09-627 8000
5. Tarikh TUTUP Pertandingan adalah pada 16 Januari 2011.
6. Kiriman melalui pos tidak boleh dijadikan bukti penghantaran dan penerimaan.
7. Sebanyak lima (5) hadiah akan disediakan kepada pemenang:
 - i. Hadiah Utama : Lima Ribu Ringgit (RM 5,000.00) beserta Sijil.
 - ii. Empat (4) Hadiah Seguhati : Lima Ratus Ringgit (RM 500.00) beserta Sijil.
8. Keputusan pertandingan adalah muktamad dan sebarang rayuan tidak akan dipertimbangkan.

www.pmint.gov.my